



SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan pengkhususan berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan berikut:-

Bil.	Tajuk Kerja	Pendaftaran dan taraf	Tarikh dan Waktu Sebutharga Tutup
1	CADANGAN KERJA-KERJA MENUKAR PENUTUP BESI MAINHOLE, PEMBAIKAN SALIRAN AIR HUJAN (LONGKANG) DAN KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH DI PERPUSTAKAAN DAERAH HULU LANGAT, PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR PPAS/PYLGRN/DAERAH HULU LANGAT/01/2025	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 2. Sijil Perolehan Kerja kerajaan (SPKK) 3. Sijil taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) Gred: G2 Kod Bidang CIDB: CE01	Tarikh buka: 13 Januari 2025 (ISNIN) Jam 12:00 tengahari Tarikh tutup: 20 Januari 2025 (ISNIN) Jam 12:00 Tengahari *Borang adalah percuma Di Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan, Tingkat 3, Pustaka Raja Tun Uda, Shah Alam
Taklimat sebutharga akan diadakan pada 13 Januari 2025 (Isnin) Jam 11 Pagi di Bilik Kaca 1, Tingkat 4, Pustaka Raja Tun Uda, Jln Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor			

- Syarikat hendaklah mengemukakan salinan **sijil yang masih sah** seperti berikut:
 - Sijil-sijil pendaftaran dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
 - Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam bidang yang berkenaan yang masih sah.
 - Sijil taraf Bumiputera dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja) yang berkenaan yang masih sah.
- Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi: En Zainal: 019-3996154.
- Pihak Perbadanan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan tidak perlu memberi sebab bagi menolak tawaran tersebut.
- Pihak perbadanan tidak akan melayan sebarang bentuk rayuan.
- Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dihubungi. Jika pihak syarikat tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup sebutharga bermakna tawaran sebutharga tersebut adalah tidak berjaya.

Borang sebutharga yang telah dipenuhi hendaklah dihantar dalam sampul surat dengan mencatatkan perkataan dibahagian atas atas sebelah kiri sampul surat:-

'CADANGAN KERJA-KERJA MENUKAR PENUTUP BESI MAINHOLE, PEMBAIKAN SALIRAN AIR HUJAN (LONGKANG) DAN KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH DI PERPUSTAKAAN DAERAH HULU LANGAT, PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR'

ke alamat seperti berikut:

**Pengarah,
Pustaka Raja Tun Uda,
Tingkat 3, Bahagian Pembangunan & Penyelenggaraan,
Jalan Kelab Golf 13/6, 40100 Shah Alam.**

Tidak lewat jam **12.00 tengahari** pada **20 Januari 2025**

Pihak Perbadanan tidak akan bertanggungjawab ke atas kelewatan tawaran orang lain yang dibuat melalui pos.